



Buletin Tunas Muda

Website: <http://www.tunasmuda.com.my>

UNTUK ANGGOTA SAHAJA



Koperasi Kembang Perniagaan

Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) telah mengorak langkah untuk mengembangkan perniagaannya menerusi pembukaan sebuah pusat rangkaian makanan halal. Usaha tersebut akan dijalankan menerusi kerjasama dengan Moguline Sdn Bhd yang membolehkan pusat tersebut mengeluar, memproses dan memasarkan produk halal berkualiti dan menepati piawaian antarabangsa untuk pasaran tempatan dan luar Negara. Pusat ini akan menggunakan Sistem, peraturan dan piawaian Standard Amalan Pengilangan (GMP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Majlis menandatangani memorandum (MoU) pada April 2005 disaksikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi,

Datuk Mohamed Khaled Nordin dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Abdul Rashid Abdullah sempena perasmian Bangunan Pejabat Baru KTMSAB bernilai RM3.5 juta yang dilengkapi dengan pusat setempat, pejabat pengurusan dan bilik seminar.

Dato' Mohamed Khaled dalam ucapan perasmianya memuji pengurusan KTMSAB kerana mampu meletakkan koperasi ini pada tahap kejayaan yang membanggakan dan seharusnya menjadi contoh kepada Koperasi lain di negara ini. Kejayaan ini membuktikan koperasi mampu menjadi sebuah gerakan yang boleh meningkatkan taraf sosial dan ekonomi anggotanya selaras dengan matlamat Dasar Koperasi Negara.

Pengerusi KTMSAB, Tuan Haji Rahim bin Osman berkata memang menjadi hasrat KTMSAB untuk mempelbagaikan bidang perniagaan selaras dengan cabaran global disamping memberi peluang perniagaan di kalangan anggota dan usahawan tempatan. Koperasi tidak sepaututnya bergantung kepada satu bidang perniagaan semata-mata sebaliknya mencari peluang-peluang baru termasuk mencebur perniagaan makanan halal yang mempunyai permintaan global yang tinggi sehingga mencecah RM2 trillion.

Semoga usaha murni Koperasi ini akan mendapat keberkatan dan berkembang maju, Insyallah.



Anugerah Khas Aktiviti Perumahan Peringkat Nasional kepada Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad pada 30 Julai 2005 yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia, Johor sempena Hari Koperasi Negara 2005 Peringkat Nasional.



Anugerah Exco Negeri Pulau Pinang kepada Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad dan Tuan Haji Rahim bin Osman dipilih sebagai Koperator Terbaik pada 15 Julai 2005 sempena Hari Koperasi Negara 2005 Peringkat Negeri Pulau Pinang.



LEMBAGA KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD BAGI TAHUN 2005/2006

1. Tuan Haji Rahim bin Osman (Pengerusi) (2336)
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (Setiausaha) (2204)
3. Encik Mohd. Nagib bin Ahmad (Bendahari) (1990)
4. Puan Rosni binti Rashid (2081)
5. YBhg Dato' Sim Keng Ten DIMP (2235)
6. Y.B.Ir. Mansor bin Musa PKT, PJK (2176)
7. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohamad (946)
8. Tuan Haji Abd. Majid bin Makam PJM (14)
9. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
10. En. Mohd. Razib bin Arshad (1839)
11. Encik Ami Omar bin Mohamed (2137)
12. Encik Shafiqi bin Mat PJM (1697)

JAWATANKUASA BAGI TAHUN 2005/2006

JAWATANKUASA KERJA (EXCO)

1. Tuan Haji Rahim bin Osman (Pengerusi) (2336)
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
3. Encik Mohd. Nagib bin Ahmad (1990)
4. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohamad (946)
5. YBhg. Dato' Sim Keng Ten DIMP (2235)

JAWATANKUASA KECIL SEBUTHARGA

1. Tuan Haji Rahim bin Osman (Pengerusi) (2336)
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
3. Encik Mohd. Nagib bin Ahmad (1990)

JAWATANKUASA KECIL TENDER

1. Tuan Haji Rahim bin Osman (Pengerusi) (2336)
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
3. Encik Shafiqi bin Mat (1697)

JAWATANKUASA KECIL PENINGKATAN PERKHIDMATAN KEPADA ANGGOTA

1. Tuan Haji Abd. Majid bin Makam PJM (Pengerusi) (0014)
2. Encik Ami Omar bin Mohamed (2137)
3. Tuan Haji Masri bin Yussof (0512)
4. Encik Choo Choon Huah (1651)
5. Encik Ali bin Yusoff (1795)

JAWATANKUASA KECIL HUTANG PIUTANG

1. Encik Mohd. Nagib bin Ahmad (Pengerusi) (1990)
2. Encik Mohd. Razib bin Arshad (1839)
3. Encik Goh Chin Huat (1727)
4. Encik Kamarudin bin Bidin (2526)
5. Haji Jamil bin Ishak (1803)

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2005/2006

1. Tuan Haji Mohd. Noor bin Sirun (0021)
2. Tuan Haji Ahmad bin Razak (1387)
3. Puan Hajjah SharifahChik binti Syed Abdullah (0090)
4. Encik Abdul Rahim bin Abdul Razak (2330)
5. Encik Rahmad bin Zakaria (2379)
6. Encik Rohaya @ Yahaya bin Darus (2146)

JAWATANKUASA KECIL KEBAJIKAN WANITA

1. Puan Hayati binti Dato' Ismail (2539) (Pengerusi)
2. Puan Pauziyah binti Ismail (2365)
3. Puan Tong Ah Noy @ Tong Guat Kooi (1674)
4. Puan Che Sam binti Saiboo (2076)
5. Puan Che Sayang binti Mustakim (2534)
6. Puan Salina binti Driss @ Yusoff (2537)
7. Hajjah Aminah binti Mat Sain (2125)

JAWATANKUASA PENDIDIKAN DAN LATIHAN

1. Haji Zainol Abidin bin Ahmad (Pengerusi) (2204)
2. Encik Ibrahim bin Md. Diah (1787)
3. Encik Suhaidi bin Abdullah (2543)
4. Hajjah Hasnah binti Mohamed (1634)
5. Hajjah Siti Maryam binti Hashim (1318)

JAWATANKUASA KECIL PERUMAHAN ANGGOTA

1. Tuan Haji Rahim bin Osman (Pengerusi) (2336)
2. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
3. Encik Yong Chin Foo (1716)
4. Encik Sivananthan Pillay a/l Palani (2078)
5. Haji Jamil bin Mohamed @ Ahmad (1560)

JAWATANKUASA KECIL KAWALAN BANGUNAN DAN PENGUSAHA DI ATAS TANAH KTMSAB

1. Encik Shafiqi bin Mat (Pengerusi) (1697)
2. Encik Ami Omar bin Mohamed (2137)
3. Tuan Haji Abo Bakar bin Mohamad Yusop (0639)
4. Haji Arbajee bin Ibrahim (2233)
5. Encik Nadadajan a/l Muniandy (0807)

Info Pembangunan

Dalam Pelaksanaan!

Projek Akan Datang!!

Pembangunan di Lot 8012, Daerah Barat Daya, MK 12, Pulau Pinang iaitu projek pembangunan Sungai Tiram merupakan projek Koperasi yang masih di dalam pembinaan. Projek ini terletak di lokasi yang baik dan strategik serta boleh menggantikan Pekan Bayan Lepas. Ianya berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Zon Perdagangan Bebas. Projek ini telah diberi nama Tunas Damai.

Pelan Susunatur JPB/PM/3496 (LB) telah mendapat kelulusan daripada MPPP pada 18 Disember 2002 manakala Pelan Bangunan No 41562 telah mendapat kelulusan pada 29 April 2004.

Projek Tunas Damai ini mempunyai pembangunan bercampur iaitu rumah teres 2 tingkat sebanyak 164 unit, 2 blok Pangrupi Kos Sederhana 12 tingkat sebanyak 340 unit. 2 blok rumah pangsa kos rendah 5 tingkat sebanyak 156 unit. 1 blok 2 tingkat kedai di tingkat bawah dan rumah di tingkat atas sebanyak 14 unit. 2 blok kedai pejabat 2 tingkat sebanyak 16 unit.

Skim ini mempunyai kemudahan-kemudahan seperti 30 unit Tapak Penjaja Berhubung, Sebuah Surau, Sebuah Dewan, Kawasan Lapang (Padang permainan) dan Landskap.

Pembangunan ini memperuntukkan 1 Blok 170 unit Pangrupi Kos Sederhana 12 tingkat (2 unit seorang kepada Anggota Koperasi yang menerima peruntukan).

Pembangunan ini merupakan projek kampung tersusun Jalan Tengah Fasa 7, Sungai Ara yang menyediakan 152 unit lot-lot sesebuah dengan infrastruktur tersedia. Projek ini akan dijalankan dalam 4 fasa bagi memudahkan penduduk-penduduk sedia ada dipindahkan ke lot-lot yang diperuntukkan. Ia juga akan melibatkan penutupan sebahagian Jalan Tengah Sungai Ara apabila kerja-kerja infra siap dibina.

Kerja-kerja infrastruktur ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2005. Selepas menerima lot-lot tersebut, anggota boleh membuat permohonan merancang serta Pelan Bangunan melalui perunding yang dilantik oleh anggota sendiri. Selepas mendapat kelulusan Pelan Bangunan, maka kerja-kerja pembinaan rumah boleh dimulakan.

Permohonan Merancang bagi projek ini adalah JPB/PM/592 (LB) manakala Kelulusan Merancang KM/0499 A, telah diluluskan pada tahun 1991. Pelan infrastruktur yang lain telah dikemukakan kepada Pihak Berkusa Tempatan yang terlibat untuk kelulusan.



Rumah contoh sedang dibina.



Informasi Perumahan Kos Rendah Syarat Kelayakan Membeli Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negeri Pulau Pinang
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM1,500.00 sebulan.
5. Pemohon (suami/isteri) belum memiliki rumah.

Maklumat lanjut dan borang boleh diperolehi di **Kaunter Pejabat Perumahan, Tingkat 3, Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang**. Sebarang pertanyaan boleh dihubungi melalui telefon 04-262 1957 ext 5373.



Ekonomi & Perniagaan

Rezeki Datang Menggolek

di Jalan Tengah, Pulau Pinang yang dijangka beroperasi penghujung tahun 2005. Pasaraya besar ini dibina di atas tanah milik tanah milik Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) seluas 17,186.5 meter persegi secara pajakan untuk tempoh 15 tahun. Kos pembinaan di anggarkan sebanyak RM40 juta.

Sebanyak 41 lot kedai, 16 gerai bergerak dan 845 tempat meletak kereta di sediakan di cawangan pasaraya besar yang akan dibuka ini.

Dairy Farm Giant Retails Sdn Bhd (Giant) mengambil langkah memperluaskan lagi perniagaannya di Malaysia dengan membuka cawangan pasaraya besar Giant

Pembukaan pasaraya ini dapat membantu lebih ramai usahawan Bumiputera mengembangkan perniagaan mereka. Pihak Giant telah mengadakan kerjasama dengan 80 usahawan Bumiputera Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk membekalkan lebih 1,056 jenis barang mengikut Program Pembangunan Usahawan Bumiputera. Menerusi program ini juga usahawan IKS bumiputera dapat dibantu untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui kedai di kompleks Giant disamping menawarkan lebih 600 peluang pekerjaan kepada anggota dan ahli keluarga serta penduduk tempatan.

Kita berharap rezeki yang datang menggolek ini dapat membantu anggota KTMSAB meningkat taraf sosio ekonomi mereka.

Pasaran & Potensi Rangkaian Halal OIC

JIKA lebih daripada 1.8 billion pengguna Islam seluruh dunia boleh ditarik masuk, pasaran makanan halal boleh tumbuh kepada lebih daripada AS\$560 billion setahun.

Dan sehingga kini, difahamkan nilai keseluruhan pasaran makanan halal dunia mencecah sehingga RM2.12 trillion dan Malaysia hanya menguasai satu peratus daripadanya.

Kerana itu ada sebabnya Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyeru kesemua 57 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) supaya membina jalinan kerjasama membangunkan satu piawaian halal antarabangsa yang berwibawa dan diiktiraf di seluruh negara.

Kerana itu, Perdana Menteri mahu Malaysia mengetuai dalam memperkuatkan perdagangan dan perkhidmatan di dunia Islam. Pada masa ini perdagangan di antara anggota negara-negara OIC bernilai AS\$800 billion, iaitu hanya 6-7 peratus daripada keseluruhan perdagangan dunia.

Jika perdagangan dan pelaburan dilihat ramuan yang perlu bagi pembangunan, maka Malaysia mahu menggalakkan modal yang banyak di sesetengah negara Islam supaya dilaburkan dan ditempatkan di pasaran yang berpotensi untuk berkembang di dunia Islam.

Dalam aspek ini khasnya, Malaysia memberi tumpuan dalam bidang yang boleh ditembusi bagi produk halal dan perkhidmatan kewangan Islam yang berpotensi besar. Pasaran makanan halal global dianggarkan bernilai AS\$150 billion setahun. Dan bukan sahaja di kalangan Negara OIC, Perdana Menteri lebih lagi mahu syarikat-syarikat tempatan di Negara ini meningkatkan pemasaran makanan halal ke luar Negara yang dianggarkan mampu mencecah nilai RM11.4 trillion (AS\$3 trillion) setahun.

Syarikat-syarikat terbabit perlu mengambil kesempatan dengan pengiktirafan yang diberikan oleh masyarakat dunia yang melihat Malaysia sebagai pengeluar makanan halal utama.

Hakikatnya, makanan halal semakin mendapat perhatian penduduk dunia kerana ia merupakan penanda aras kepada makanan yang selamat dan berkualiti.

"Makanan halal bukan sahaja dicari oleh kira-kira 1.5 billion penduduk Islam di seluruh dunia tetapi juga ia dicari oleh penduduk dunia dari pelbagai bangsa dan agama yang mencari makanan yang bersih dan suci," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Pameran Antarabangsa Halal Malaysia Pertama (MIHAS) tahun lalu.

Pelancaran Standard Malaysia Untuk Makanan Halal (MS1500:2004) yang dibangunkan di bawah Sistem Pembangunan Standard Malaysia merupakan titik awal Malaysia untuk membangunkan piawaian halal antarabangsa. Malah, MS1500:2004 meliputi penyediaan makanan halal yang mengambil kira dari segi pengeluaran, penyediaan, pengawalan dan penyimpanan.

Tanpa diragui, kerajaan memang serius untuk menjadikan Malaysia sebagai hub halal dan sebagai bukti, Jawatankuasa Teknikal Untuk Menjadikan Malaysia Hub Pengeluaran Makanan Halal Serantau dibentuk tahun lepas untuk tujuan itu.

Komitmen Perdana Menteri mahu supaya OIC membangunkan satu piawaian halal antarabangsa yang dilihat oleh pengeluar makanan tempatan yang berusaha lebih gigih untuk mendapat bahagian yang lebih dalam pasaran makanan halal dunia. Ini memandangkan jumlah eksport mereka juga ternyata begitu kecil berbanding anggaran jumlah pasaran tersebut.

Ekonomi & Perniagaan

